



**NATIONAL INSTITUTE OF OCCUPATIONAL SAFETY AND HEALTH (NIOSH)**  
Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara



# 2021

## LAPORAN TAHUNAN ANNUAL REPORT

[www.niosh.com.my](http://www.niosh.com.my)









**Komitmen negara terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan jelas dicerminkan melalui enakmen Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (AKKP), serta penubuhan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) dan Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH).**

**Memandangkan pembangunan ekonomi Malaysia terus meningkat selaras dengan usaha negara mencapai status negara perindustrian IR4.0, kemalangan industri di tempat kerja mungkin akan berlaku. Maka, implementasi OSH berazam memanfaatkan pihak majikan dan pekerja supaya mengelakkan kejadian malang di tempat kerja.**

*Our nation's commitment towards occupational safety and health for employers and employees in the enactment of the Occupational Safety and Health Act 1994 (OSHA), the setting up of the Department of Occupational Safety and Health (DOSH), and in the establishment of the National Institute and Occupational Safety and Health (NIOSH).*

*As Malaysia progresses toward achieving its status as an Industrialized Nation through the IR4.0 (Industrial Revolution 4.0), industrial activities would be on an increase. Given this, casualties and adversities may occur in workplaces. Hence, the need to implement greater OSH measures are pertinent for employers and employees to deter unfortunate situations.*

**NIOSH © 2022 All right reserved**

Diterbitkan oleh / Published by:

**INSTITUT KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN NEGARA**

*National Institute of Occupational Safety and Health (NIOSH)*

Lot 1, Jalan 15/1, Seksyen 15, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 03-8769 2100

Faks : 03-8926 2900

[www.niosh.com.my](http://www.niosh.com.my)

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulung mana-mana bahagian teks, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain kecuali dengan keizinan bertulis daripada Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (IKKPN).



# ISI KANDUNGAN

## TABLE OF CONTENTS

**2**

**PROFIL KORPORAT**  
*CORPORATE PROFILE*

**12**

**PERUTUSAN MENTERI SUMBER MANUSIA**  
*MESSAGE FROM THE MINISTER OF HUMAN RESOURCES*

**16**

**PERUTUSAN Pengerusi Lembaga Pengarah**  
*MESSAGE FROM THE CHAIRMAN OF THE BOARD OF DIRECTORS*

**20**

**PERUTUSAN Pengarah Eksekutif**  
*MESSAGE FROM THE EXECUTIVE DIRECTOR*

**24**

**LEMBAGA PENGARAH DAN KUMPULAN PENGURUSAN**  
*BOARD OF DIRECTORS AND THE MANAGEMENT TEAM*

**30**

**LATIHAN**  
*TRAINING*

**54**

**KHIDMAT RUNDINGAN**  
*CONSULTANCY SERVICES*

**74**

**PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN**  
*RESEARCH AND DEVELOPMENT*

**84**

**PUSAT PENILAIAN DAN TEKNOLOGI KAWALAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (OSHECT)**  
*OCCUPATIONAL SAFETY AND HEALTH HAZARD EVALUATION AND CONTROL TECHNOLOGY (OSHECT)*

**108**


**PENYEBARAN MAKLUMAT**  
*INFORMATION DISSEMINATION*

**116**


**PEPERIKSAAN DAN PERSIJILAN**  
*EXAMINATION AND CERTIFICATION*

**123**

**PENGURUSAN KUALITI**  
*QUALITY MANAGEMENT*











# PROFIL KORPORAT

*CORPORATE PROFILE*



## LATAR BELAKANG

Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) ditubuhkan sebagai syarikat berhad menurut jaminan pada 24 Jun 1992 di bawah Kementerian Sumber Manusia. Bermula dengan sebuah pejabat sementara di Pusat Bandar Damansara, NIOSH telah berpindah ke Bandar Baru Bangi pada tahun 1996.

Seiring dengan permintaan yang semakin meningkat, NIOSH meluaskan lagi perkhidmatannya melalui pembentukan pejabat wilayah yang terletak di Sarawak, Sabah, Pulau Pinang, Johor dan Terengganu.

Inisiatif menubuhkan anak syarikat yang dikenali sebagai NIOSH Certification Sdn. Bhd. (NCSB) pada tahun 2004 bertujuan untuk meningkatkan budaya Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) di Malaysia.

NCSB menjalankan aktiviti persijilan syarikat yang berjaya melaksanakan Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHMS) yang diiktiraf antarabangsa di samping menerima badan pensijilan yang lain.

NIOSH telah memperolehi pensijilan bagi Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001:2000 pada tahun 2003, ISO 9001:2008 pada tahun 2009 dan kemudiannya telah dinaiktaraf kepada ISO 9001:2015 pada tahun 2018. Pensijilan OHSAS 18001:2007 dan MS 1722:2011 telah diperolehi pada 1 Oktober 2012. Manakala Makmal Analisis Higen Industri NIOSH pula telah mendapat Akreditasi bagi pensijilan MS ISO/IEC 17025:2005 (ISO/IEC 17025:2005) pada tahun 2008.

## BACKGROUND

*The National Institute of Occupational Safety and Health (NIOSH) was established as a company limited by guarantee on 24 June 1992 under the Ministry of Human Resources, Malaysia. NIOSH began its operations from a temporary office located in Pusat Bandar Damansara, before moving to its current NIOSH headquarters in Bandar Baru Bangi in 1996.*

*As the demand for occupational safety and health services increased, NIOSH expanded its services by establishing regional offices in Sarawak, Sabah, Penang, Johor and Terengganu.*

*In 2004, a subsidiary known as NIOSH Certification Sdn. Bhd. (NCSB) was established to enhance the Occupational Safety and Health (OSH) work ethics and culture in Malaysia. NCSB undertook certification programmes for companies that had successfully implemented the internationally recognised Occupational Safety and Health Management System (OSHMS) alongside having to achieve other relevant certifications.*

*NIOSH successfully obtained the certification for ISO Quality Management System 9001:2000 in 2003, ISO 9001:2008 in 2009, and was upgraded to ISO 9001:2015 in 2018. In addition, the organisation received the OHSAS 18001:2007 and MS 1722:2011 certifications on 1 October 2012. Meanwhile, the NIOSH Industrial Hygiene Analytical Lab was accredited with MS ISO/IEC 17025:2005 (ISO/IEC 17025:2005) in 2008.*



## FUNGSI DAN OBJEKTIF

Fungsi NIOSH adalah untuk memberikan latihan, khidmat rundingan, penyelidikan dan pembangunan secara profesional, berkelayakan dan cekap serta menyebarkan maklumat dalam bidang keselamatan and kesihatan pekerjaan (KKP).

Objektif penubuhan NIOSH adalah :

- Menyumbang ke arah usaha meningkatkan tahap keselamatan dan kesihatan pekerjaan melalui pembangunan kurikulum dan program latihan untuk pekerja, majikan, dan mereka yang bertanggungjawab, secara langsung atau sebaliknya, terhadap keselamatan dan kesihatan pekerja.
- Membantu industri, perdagangan dan sektor-sektor lain dalam menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan pekerjaan.
- Membantu mereka yang bertanggungjawab terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan dengan maklumat yang terkini dari dalam dan luar negara dalam bidang keselamatan dan kesihatan pekerjaan.
- Mengendalikan penyelidikan jangka pendek dan jangka panjang dalam bidang-bidang yang berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang boleh membawa faedah dan manfaat kepada negara.
- Menyebarkan maklumat hasil dari penyelidikan dan juga menjadi pusat rujukan di dalam bidang keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

## FUNCTIONS AND OBJECTIVES

*The function of NIOSH is to provide qualified training, consultancy, research and development, and disseminate information on Occupational Safety and Health (OSH) on a professional level.*

*The objectives of establishing NIOSH are:*

- *To contribute toward the effort to increase the level of Occupational Safety and Health (OSH) at the workplace by developing curriculum and training programmes for both employers and employees, and for those responsible for OSH at the workplace through direct or auxiliary roles.*
- *To assist the industry and commercial sector, and other sectors in resolving OSH-related problems.*
- *To assist those responsible for OSH by providing them with updated OSH information coming from domestic and offshore sources.*
- *To undertake short-term and long-term research in fields related to OSH that would be resourceful and beneficial to the nation.*
- *To publish and disseminate information from research findings, and to become the centre for research and referencing in the field of OSH.*

## DIREKTORI PEJABAT NIOSH DI MALAYSIA DIRECTORY OF NIOSH OFFICES IN MALAYSIA







## IBU PEJABAT NIOSH NIOSH HEADQUARTERS

### IBU PEJABAT NIOSH MALAYSIA NIOSH MALAYSIA HEADQUARTERS

 NIOSH Bandar Baru Bangi  
 Lot 1, Jalan 15/1, Section 15,  
 43650 Bandar Baru Bangi,  
 Selangor Darul Ehsan  
 +603 8769 2100 / +603 8911 3800  
 +603 8926 2900  
 general@niosh.com.my

## PEJABAT-PEJABAT WILAYAH REGIONAL OFFICES

### PEJABAT WILAYAH SELATAN SOUTHERN REGIONAL OFFICE

**NIOSH Johor Bahru**  
 No. 10, Jalan Persiaran Teknologi,  
 Taman Teknologi Johor,  
 81400 Senai, Johor Bahru, Johor  
 +607 599 1200  
 +607 599 0200  
 johor@niosh.com.my

**NIOSH Pengerang**  
 Lot 73 & 75, Jalan Kempas 1,  
 Desaru Utama, Bandar Penawar,  
 81930 Kota Tinggi, Johor  
 +607 828 0183 / +607 886 1139  
 +607 828 0193  
 pengerang@niosh.com.my

**NIOSH Melaka**  
 Bangunan World Youth Hotel,  
 Lebuhraya Ayer Keroh,  
 75450 Ayer Keroh, Melaka  
 +606 232 6866  
 <https://wa.me/60192299071>  
 melaka@niosh.com.my

### PEJABAT WILAYAH UTARA NORTHERN REGIONAL OFFICE

**NIOSH Pulau Pinang**  
 Lot 8872, Jalan Bertam 2, MK.6,  
 Bertam, 13200 Kepala Batas,  
 Pulau Pinang  
 +604 380 1200  
 <https://wa.me/60192299724>  
 penang@niosh.com.my

**NIOSH Manjung**  
 Jalan PPMP 3/4,  
 Pusat Perniagaan Manjung Point  
 32040 Seri Manjung, Perak  
 +605 689 0701  
 +605 689 0715  
 manjung@niosh.com.my

**PEJABAT WILAYAH PANTAI TIMUR**  
**EAST COAST REGIONAL OFFICE**





**NIOSH Kerteh**

 Lot 12853, Jalan Lapangan Terbang,  
 Kampung Darat Kolam,  
 24300 Kerteh, Terengganu  
 +609 826 4000 / +609 826 4001  
 +609 826 4000  
 terengganu@niosh.com.my

**NIOSH Kota Bharu**





 Lot 1155, Jalan Bendahara 3/36,  
 Taman Bendahara,  
 16100 Kota Bharu, Kelantan  
 +609 773 1710  
 +609 773 1711  
 kelantan@niosh.com.my

**NIOSH Kuantan**





 No. B12, Jalan KS 1/12,  
 KotaSAS Avenue, Kota Sultan Ahmad Shah,  
 25200 Kuantan, Pahang  
 +609 575 0521  
 +609 575 0522  
 kuantan@niosh.com.my

**PEJABAT WILAYAH SABAH**  
**SABAH REGIONAL OFFICE**

**NIOSH Kota Kinabalu**

 Lot B (22-27)-3, Level 3 (2nd Floor), Block B,  
 Harbour City, Sembulan, Jalan Pantai Baru,  
 88100 Kota Kinabalu, Sabah  
 +608 826 4252  
 +608 826 3252  
 sabah@niosh.com.my

**NIOSH Sandakan**

 Institut Latihan Perindustrian Sandakan (ILP),  
 Tingkat 1, Bahagian Pusat Sumber & Multimedia,  
 Batu 5, Jalan Sibuga, 90000 Sandakan, Sabah  
 +608 966 3761  
 +608 966 3762  
 sabah@niosh.com.my

**PEJABAT WILAYAH SARAWAK**  
**SARAWAK REGIONAL OFFICE**

**NIOSH Bintulu**

 3rd Floor Commercial, Block C2,  
 Naim Street Mall,  
 Bintulu Paragon, Jalan Old Airport,  
 97000, Bintulu Sarawak  
 +6019 233 3947 / +6019 233 3975  
 +608 631 5501  
 sarawak@niosh.com.my



**NIOSH Kuching**

 Wisma Hamizan, Ground Floor,  
 Lot 851 Sublot 16, Seksyen 65,  
 KTLD Off Jalan Astana, Petra Jaya,  
 93050 Kuching, Sarawak.  
 +608 253 6801 / +608 253 6803  
 +608 253 6802  
 sarawak@niosh.com.my

**NIOSH Miri**

 Lot 10620,  
 Miri Commercial Shop Lot, Airport Road,  
 98000 Miri, Sarawak  
 +608 563 6840 / +608-563 6940  
 +608 563 6140  
 sarawak@niosh.com.my





**NIOSH Kapit**

 Sublot 3688, Lot 1074, Block 13,  
 Menuan Land District, 96800 Kapit, Sarawak  
 +608 479 6043  
 sarawak@niosh.com.my

**NIOSH Tawau**

 Lot 1, Ground Floor, Blok A,  
 Jalan Plaza Damai,  
 91000 Tawau, Sabah  
 +608 975 6302 / +608 975 6304  
 +608 975 6303  
 tawau@niosh.com.my

**NIOSH Wilayah Persekutuan Labuan**

 1st Floor, Lot 1 & 2, Block A, Shermadef Commercial  
 Centre, KM 1.5, Jalan Patau-Patau,  
 87018 Federal Territory, Labuan  
 +608 742 3254  
 +608 742 3255  
 labuan@niosh.com.my

## UNIT KHIDMAT PELANGGAN CUSTOMER SERVICE UNIT



+603 8769 2100  
+603 8911 3800



Umum / General  
<https://wa.me/60196664106>

Latihan / Training  
<https://wa.me/60132224966>

Peperiksaan / Exam  
<https://wa.me/60196668599>



E-mel / E-mail  
[general@niosh.com.my](mailto:general@niosh.com.my)



Laman sesawang / Website  
[www.niosh.com.my](http://www.niosh.com.my)



Laman Facebook / Facebook page  
[@nioshmalaysia](https://www.facebook.com/nioshmalaysia)

## WAKTU OPERASI OPERATION HOURS

Isnin hingga Khamis / Monday to Thursday  
**8.00<sup>AM</sup> - 5.00<sup>PM</sup>**

Jumaat / Friday  
**8.00<sup>AM</sup> - 12.15<sup>PM</sup>**  
**2.45<sup>PM</sup> - 5.00<sup>PM</sup>**



Tutup pada hari Sabtu, Ahad  
dan cuti umum (Selangor)  
Closed on Saturday, Sunday and  
public holidays (Selangor)

## VISI VISION

Menjadi pusat kecemerlangan  
Keselamatan dan Kesihatan  
Pekerjaan terunggul di Malaysia.

*To be the leading centre of  
excellence in Occupational Safety  
and Health in Malaysia.*



## MISI MISSION

Menyediakan penyelesaian yang  
praktikal dalam bidang Keselamatan  
dan Kesihatan Pekerjaan.

*To provide practical solutions in the  
field of Occupational Safety and  
Health.*







# NILAI-NILAI KORPORAT

## CORPORATE VALUES

### 01 **Komitmen *Commitment***

Kesemua kakitangan NIOSH wajib berdedikasi dan berkomitmen tinggi dalam kerjaya mereka.  
*All staff at NIOSH are required to be dedicated employees committed to contribute at maximum capacity.*

### 02 **Telus *Transparency***

Prosedur dan sistem yang berkaitan dengan kerja mestilah telus supaya sikap kepentingan keperibadian disingkirkan.  
*Transparency in work procedures and systems must be observed to eliminate personal vested interests.*

### 03 **Kerja Berpasukan *Teamwork***

Semua kakitangan mesti menunjukkan komitmen yang tinggi dengan memastikan objektif kerja berpasukan dicapai.  
*All staff members must devote high levels of commitment to ensure the objective any given teamwork is achieved.*

### 04 **Jujur *Honesty***

Interaksi mesti bebas dari sikap ketidakjujuran, berat sebelah dan tipu daya.  
*Interaction must be free of insincerity, partiality and deceit.*

### 05 **Integriti Profesional dan Peribadi *Professional and Personal Integrity***

NIOSH mengharapkan semua kakitangannya mengamalkan prinsip moral kejujuran and kesetiaan.  
*NIOSH expects its staff to have moral principles of loyalty and honesty in their work and service to the organisation.*

### 06 **Kualiti *Quality***

Semua produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh NIOSH mesti memancarkan prestasi berkualiti tinggi.  
*All products and services offered by NIOSH must exude performance of the highest quality.*

### 07 **Kepakaran Teknikal *Technical Expertise***

Semua kakitangan NIOSH mesti menggambarkan pengetahuan teliti dan komprehensif.  
*All NIOSH staff members must demonstrate comprehensive and in-depth technical knowledge.*

### 08 **Kepimpinan *Leadership***

Semua kakitangan mesti melaksanakan kepimpinan yang efektif dan cekap.  
*All staff members must execute leadership effectively and proficiently.*

### 09 **Komunikasi *Communication***

Semua kakitangan mesti sentiasa mengamalkan komunikasi secara efektif.  
*All staff members must constantly harness effective communication skills.*

### 10 **Pembangunan Sumber Manusia *Human Resource Development***

NIOSH mempromosikan pembangunan sumber manusia secara berterusan untuk meningkatkan kemampuan peribadi.  
*NIOSH continuously promotes human resource development for all employees potential growth and capacity building.*





# PERUTUSAN MENTERI SUMBER MANUSIA

*MESSAGE FROM THE  
MINISTER OF HUMAN  
RESOURCES*



# *Salam Sejahtera dan Salam Keluarga Malaysia*

**S**ekalung tahniah ingin saya sampaikan kepada warga NIOSH bagi berjaya mengekalkan prestasi cemerlang dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga untuk memberikan sokongan padu kepada Kementerian Sumber Manusia dalam segala usaha untuk pembangunan modal insan.

Semangat kerja berpasukan, kesungguhan dalam melaksanakan tanggungjawab serta komitmen padu di setiap peringkat organisasi membolehkan Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) sekali lagi berjaya mengharungi pelbagai cabaran dan perubahan yang berlaku sepanjang tahun 2021 dengan cemerlang.

Komitmen kerajaan dalam melindungi sumber manusia adalah berpaksikan prinsip Inklusiviti dan Budaya Kerja Selamat. Pada peringkat nasional, pelaksanaan strategi jangka panjang Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) ini, adalah ternyata selaras dengan Konvensyen Pertubuhan Buruh Antarabangsa 2006.

Antara inisiatif penting yang telah diperkenalkan bagi meningkatkan sistem pengurusan KKP ialah Dasar Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara 2019 dan Sistem Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara. Bagi mendepani apajua cabaran, Kementerian Sumber Manusia melalui Majlis Negara bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (MNKKP) dan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) telah merangka Pelan Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 2021-2025 (juga dikenali sebagai OSH-MP-25).

Pelan Induk Jangka Sederhana selama 5 tahun ini merupakan kesinambungan pelan yang sama sebelum ini. Ia bertujuan menerapkan nilai inklusif bagi menggalakkan penyertaan semua pihak agar bertumpu pada transformasi sistem KKP di seluruh negara.

Di peringkat tempat kerja, budaya keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP) yang kukuh ialah budaya di mana hak untuk mendapatkan persekitaran kerja yang selamat dan sihat dihargai dan digalakkan oleh pihak pengurusan dan pekerja. Budaya KKP yang positif dibina atas penyertaan dan penglibatan semua pihak dalam meningkatkan penerusan proses keselamatan dan kesihatan di tempat kerja.


Budaya sebegini memerlukan komunikasi dan dialog terbuka yang dibina atas kepercayaan dan saling hormat-menghormati. Ketika kami terus mengharungi krisis kesihatan global COVID-19 dan menghadapi risiko yang berterusan dalam dunia pekerjaan, kita mesti terus bergerak ke arah membina budaya keselamatan dan kesihatan yang kukuh di semua peringkat organisasi.

Saya juga amat percaya dengan kombinasi di antara majikan yang prihatin, pekerja yang berkualiti dan produktif, budaya selamat dan sihat serta keadaan persekitaran kerja yang kondusif, maka pastinya produk dan perkhidmatan yang dihasilkan oleh sesebuah organisasi akan mencapai tahap serta standard yang dikehendaki.

Maka saya berharap NIOSH akan meneruskan usaha menerapkan budaya pencegahan kemalangan dan penyakit pekerjaan di semua sektor selain merakyatkan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) melalui pelbagai program di seluruh negara yang melibatkan pekerja dan orang awam.

Sekian, Terima Kasih





## YB DATUK SERI M SARAVANAN

**MENTERI SUMBER MANUSIA**

*Minister of Human Resources*

I would like to extend my wholehearted congratulations to the employees of NIOSH for successfully maintaining their excellent performance and unequivocal appreciation for their firm support to the Ministry of Human Resources in its efforts to build human capital development.

The spirit of teamwork, determination in carrying out responsibilities and strong commitment at every level of the organisation enabled the National Institute of Occupational Safety and Health (NIOSH) to once again successfully and adeptly weather challenges and vicissitudes that occurred throughout 2021.

The government's commitment in protecting human resources is focused on the principles of Inclusiveness and A Safe Work Culture. At the national level, the implementation of a long term strategy in Occupational Safety and Health Management System (OSHMS) is in line with the International Labour Organization Convention 2006.

Among the significant initiatives that were introduced to improve OSH management system are the National Occupational Safety and Health Policy 2019, and the National Occupational Safety and Health System. To meet whatsoever challenges, the Ministry of Human Resources through the National Council for Occupational Safety and Health (NCOSH) and the Department of Occupational Safety and Health (DOSH) drafted the Master Plan for Occupational Safety and Health 2021-2025 (also known as OSH-MP-25).

This 5-year Short Term Master Plan is a continuation of the previous plan. It aims to inculcate inclusiveness values to encourage the participation of all entities to converge with the transformation of the OSH system across the country.

At the workplace level, a resolute occupational safety and health (OSH) culture is regarded as a right for a safe and healthy work environment. It is valued and encouraged by management and employees. A positive OSH culture is built on the involvement of all parties in a continuous improvement process for safety and health in the workplace.

This type of OSH workplace culture would require open communication and dialogue built on trust and mutual respect. As we continue to weather the COVID-19 global health crisis and face ongoing risks in the work environment, we must continue to move towards building a strong, safe and healthy work culture at all levels of the organisation.

I also determinedly believe that with a combination of caring employers, quality and productive employees, a safe and healthy work culture, and a conducive work environment, would surely secure the products and services generated by an organisation to reach its desired level and standard.

It is my hope NIOSH will continue its efforts to inculcate a culture of occupational accident and disease prevention in all sectors as well as popularise Occupational Safety and Health (OSH) through various programmes across the country that would involve the organisation's employees and the public.

Thank you





# MESEJ PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH

*MESSAGE FROM CHAIRMAN OF  
THE BOARD OF DIRECTORS*



# *Salam Sejahtera dan Salam Keluarga Malaysia*

Tahun 2021 merupakan permulaan penuh berliku dan penuh cabaran bagi Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH). Pasca pandemik COVID-19 telah mengajar kita untuk lebih bersedia dalam mendepani sebarang kemungkinan luar jangkaan yang akan berlaku pada masa hadapan dalam memastikan peranan dan fungsi NIOSH terus kekal menjadi relevan kepada pemangkin industri negara.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada warga kerja NIOSH di atas semangat setiakawan dan kesiapsiagaan dalam mendepani cabaran bertugas dalam keadaan norma baharu. Saya pasti ianya bukan sesuatu yang mudah namun semangat juang kakitangan yang sentiasa mempunyai motivasi diri yang tinggi dalam meningkatkan prestasi dan mencapai sasaran yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah dan pihak Pengurusan NIOSH.

Permulaan tahun 2021 adalah lebih baik berbanding tahun sebelumnya, namun tempas pandemik masih dirasai oleh semua pihak. Namun begitu, usaha berterusan serta sokongan padu dari semua pihak akhirnya membuahkan hasil apabila pendapatan yang telah direkodkan oleh NIOSH pada tahun 2021 mencapai sasaran yang telah ditetapkan. Saya mengucapkan tahniah kepada semua warga NIOSH dari seluruh negara di atas komitmen yang tinggi ini.

Apa yang lebih membanggakan, ada di antara Pejabat Wilayah dan Satelit yang mampu melepasi sasaran yang ditetapkan dengan cemerlang dan ia seharusnya menjadi penanda aras kepada yang lain untuk meningkatkan prestasi masing-masing. Ini mengingatkan saya kepada satu peribahasa “Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing”. Bersama kita sebagai sebuah Keluarga Malaysia bergerak bagi memartabatkan lagi institusi ini.

Sepanjang tempoh tahun 2021, saya turut berkesempatan menyantuni serta berinteraksi dengan beberapa rakan kongsi NIOSH yang telah banyak menyumbang kepada pembangunan organisasi secara holistik. Sekalung tahniah

ingin saya sampaikan kepada warga NIOSH kerana berjaya mengekalkan prestasi cemerlang manakala ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua pihak yang telah memberikan sokongan padu termasuk Kementerian Sumber Manusia dan agensi-agensi di bawahnya.

NIOSH juga tidak melupakan tanggungjawab untuk membantu mereka yang memerlukan bantuan ketika negara dilanda bencana banjir pada penghujung tahun 2021 dan ramai kakitangan turut terkesan dengan musibah ini, Terima kasih kepada pihak Pengurusan di atas tindakan pantas menghulurkan bantuan serta pertolongan bagi membantu meringankan beban mereka. Selain daripada itu banyak program lain seperti bantuan rakyat telah dihulurkan bagi meringankan beban yang ditanggung oleh mereka yang memerlukan.

Walaupun program sebegini tidak mendatangkan keuntungan dalam bentuk wang ringgit, ia merupakan pelaburan jangka panjang dan sebahagian daripada tanggungjawab sosial korporat NIOSH. Saya percaya dengan menghulur bantuan amal sebegini merupakan sebahagian daripada amalan mulia yang patut dicontohi oleh semua. Saya sentiasa menyokong dan mengalakkan agar program-program seperti ini dapat diteruskan dalam skala yang lebih besar pada masa akan datang.

Adalah menjadi harapan saya agar warga kerja NIOSH akan terus bekerja keras agar kami mampu mencapai sasaran lebih tinggi yang ditetapkan untuk tahun-tahun mendatang.

Saya sentiasa mempunyai kepercayaan yang tinggi kepada warga NIOSH dan amat yakin mereka mampu untuk mencapai segala sasaran yang telah ditetapkan di samping terus melaksanakan amanah dan tanggungjawabnya kepada negara dan rakyat dengan sokongan padu Lembaga Pengarah dan pihak pengurusan.

Sekian terima kasih.



## YB DATUK WILSON UGAK ANAK KUMBONG

### PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH

*Chairman of The Board of Directors*

The year 2021 was a juncture that began with a challenging pathway for the National Institute of Safety and Health Malaysia. As we entered the COVID-19 post-pandemic phase, the lessons learned have taught us to be more prepared to face unforeseen circumstance and situations that may occur in the near or far future. More so, the said preparation is to ensure the role and function of NIOSH will remain sturdy and relevant to investors, patrons and benefactors of the nation's industry.

I wish to make it a pronouncement in extending my deepest gratitude to all NIOSH employees for their readiness and loyalty to handle challenging tasks as we begin the new normal phase in our workplace at the Institute. Furthermore, I understand the difficulties we will encounter. However, our spirit of determination, and self-driven motivation will increase performance quality and achievements of the Institute. We will then accomplish the targets set by the Board of Directors and Management of NIOSH.

As 2021 kicked-off, we began on a better footing compared to the year before. Nevertheless, the battering effects of the worldwide pandemic continues to be felt by all in the Institute let alone the entire nation and the global community. However, our persistent efforts and continued support from all at NIOSH resulted in the Institute achieving its targeted revenue for 2021. Such an accomplishment in a year filled with tremendous difficulties deserves commending. Hence, I wish to once again extend my congratulations to all NIOSH employees throughout Malaysia for their enduring commitment.

Another great example I am proud to recognise is Regional Offices and Satellite Offices that went beyond the targets set and achieved excellent performance. They represent benchmarks for all employees to refer to as we each do our utmost best to improve and increase our performance levels. Having said this, I am reminded of a Malay proverb "Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing" - meaning, in hard times we help carry one another's burdens and in good times we share one another's happiness. Let us together as a "Keluarga Malaysia" move forward to dignify this Institute with greater successes.

During the year 2021, I had the opportunity to interact and build stronger work relationships with my colleagues at NIOSH especially those who had contributed immensely to the holistic growth of the Institute. Hence, I acknowledge the employees who succeeded in maintaining excellence work performance levels. Meanwhile, the same expression of gratitude is extended to all who rendered their collective support including our colleagues at the Ministry of Human Resources, and its associated agencies.

Regardless of work priorities, NIOSH did not forget its corporate social responsibilities to extend help to the needy. During the year 2021, the Institute assisted communities and families affected by the devastating monsoon floods. Among many of the victims were also employees of NIOSH. Words of gratitude are expressed to the Institute's Management for swiftly providing assistance to victims of the monsoon floods. Besides helping flood victims, other programmes were initiated to assist the public and lessen their livelihood burdens.

These programmes are now a long term corporate social responsibility effort by NIOSH. I believe these exemplary endeavors represent NIOSH as a role model in doing good works. Programmes such as these will continue to be supported and encouraged so as to have it develop into more purposeful CSR projects in the near future.

It is my hope that all employees at NIOSH will continue diligently in their respective work scope in order for the Institution to achieve higher targets and greater heights in the years to come.

I am strongly confident with the work force at NIOSH and believe they have the ability and capacity to achieve all targets given to them in an honest, trusted and responsible manner so as to have NIOSH deliver its objectives for the benefit of local industries, the public and the country receiving full support from the Board of Directors and the Management.

Thank you.








# PERUTUSAN PENGARAH EKSEKUTIF

*MESSAGE FROM THE  
EXECUTIVE DIRECTOR*





*Assalamualaikum wbt dan  
selamat sejahtera,*

*Assalamualaikum wbt and well wishes to all,*

**S**yukur kepada Allah SWT atas kurniaan yang telah diberikan kepada NIOSH dalam mencapai sasaran tahun 2021. Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Menteri Sumber Manusia serta Kementerian Sumber Manusia kerana telah memberi kepercayaan dan sokongan kepada NIOSH dalam memastikan keselamatan and kesihatan tempnt kerja dilaksanakan demi aspirasi 'Keluarga Malaysia'.

Ucapan terima kasih kepada YB Datuk Wilson Ugak Anak Kumbong selaku Pengerusi NIOSH, YB Senator Datuk T. Mohan, Timbalan Pengerusi NIOSH serta Ahli Lembaga Pengarah yang sentiasa menjadi sumber inspirasi dan pendorong kepada warga NIOSH dalam mengharungi segala cabaran pada tahun 2021.

Sesungguhnya kehadiran pandemik COVID-19 pada Mac 2020 di Malaysia, telah banyak mengubah cara kehidupan dan harapan seluruh rakyat Malaysia. Dengan berkat dan usaha serta sokongan semua warga NIOSH, kami telah berjaya mencapai sasaran pendapatan sebanyak 100.4% atau RM66.55 juta pada tahun lalu, disamping mencapai sasaran semua aktiviti yang telah dirancang. Dalam tempoh pandemik ini, cabaran dan halangan yang dihadapi telah menjadikan warga NIOSH lebih tekun dalam usaha menyampaikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat Malaysia. Atas usaha itu, syabas dan tahniah diucapkan kepada kumpulan pengurusan serta kakitangan NIOSH. Ucapan terima kasih juga dihulurkan kepada rakan-rakan strategik, pelanggan-pelanggan NIOSH atas sokongan yang telah diberikan dalam memastikan NIOSH terus menjadi rakan pilihan bagi keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

Sekian, Terima kasih.



**TUAN HAJI AYOP BIN SALLEH**  
**PENGARAH EKSEKUTIF NIOSH**  
*Executive Director*


**T**hankfulness be to Allah SWT for the grace given to NIOSH in achieving the Institute's targets for 2021. The highest appreciation and thank you to the Minister of Human Resources and the Ministry of Human Resources for trusting and supporting NIOSH in its effort to ensure occupational safety and health in the workplace is implement for the aspirations of the 'Keluarga Malaysia'.

A special thank you to YB Datuk Wilson Ugak Anak Kumbong, Chairman of NIOSH; YB Senator Datuk T. Mohan, Deputy Chairman of NIOSH; and, Board Members who are at all times a source of inspiration and motivation for NIOSH citizens in overcoming challenges that were faced in 2021.

Indeed, the COVID-19 pandemic which began in March 2020 in Malaysia, has tremendously changed the way of life of and hopes for all Malaysians. With blessings, efforts and support from all at NIOSH, we managed to achieve a revenue target of 100.4% or RM66.55 million last year, in addition to achieving targets in all activities that were planned. During the pandemic, challenges and obstacles made NIOSH citizens work diligently in an effort to deliver the best service to the Malaysian people. For all their sincere efforts and dedication, well done and congratulations to the NIOSH management team and staff.

A thank you is also extended to our strategic partners, clients and customers for their support in having NIOSH as the partner of choice in occupational safety and health in Malaysia.

*Thank you*





# LEMBAGA PENGARAH DAN KUMPULAN PENGURUSAN

*BOARD OF DIRECTORS AND  
THE MANAGEMENT TEAM*

# LEMBAGA PENGARAH NIOSH & SENARAI JAWATANKUASA DAN AHLI

## BOARD OF DIRECTORS & LIST OF COMMITTEES AND MEMBERS

### LEMBAGA PENGARAH BOARD OF DIRECTORS

- ▶ **YB Datuk Wilson Ugak Kumbong**  
Pengerusi / *Chairman*
- ▶ **YB Senator Datuk Mohan a/l Thangarasu**  
Timbalan Pengerusi / *Vice Chairman*
- ▶ **Tuan Haji Ayop bin Salleh**  
Pengarah Eksekutif / *Executive Director*
- ▶ **Mejar Haji Hanif bin Maidin (B)**  
Setiausaha Eksekutif / *Executive Secretary*
- ▶ **YBhg. Datuk Haji Shamsuddin bin Bardan**
- ▶ **YBhg. Datuk Dr. Chong Chee Kheong**
- ▶ **Encik Maniam a/l Arumugam**
- ▶ **Puan Zamzarina binti Abu Bakar**
- ▶ **Encik Matkar bin Siwang**
- ▶ **Encik Thomas Balan Bang**
- ▶ **Prof. Dr. Ismail bin Bahari**
- ▶ **Prof. Madya Dr. Nur Dalilah binti Dahlan**
- ▶ **Prof. Madya Ts. Dr. Shamsul Bahari bin Shamsudin**
- ▶ **Dr. Shamsul Rizal bin Shamsudin**
- ▶ **Dr. Sharudin bin Shari**

### JAWATANKUASA KEWANGAN FINANCE COMMITTEE

- ▶ **Puan Zamzarina bin Abu Bakar**  
(Pengerusi)
- ▶ **YBhg. Datuk Haji Shamsuddin bin Bardan**
- ▶ **YBhg. Datuk Dr. Chong Chee Kheong**
- ▶ **Tuan Haji Ayop bin Salleh**
- ▶ **Mejar Haji Hanif bin Maidin (B)**  
Urus setia
- ▶ **Pn. Norismalina binti Ishak**

### JAWATANKUASA KEAHLIAN MEMBERSHIP COMMITTEE

- ▶ **YBhg. Datuk Dr. Chong Chee Kheong**  
Pengerusi / *Chairman*
- ▶ **Mejar Haji Hanif bin Maidin (B)**
- ▶ **Encik Matkar bin Siwang**
- ▶ **Dr. Sharudin bin Shari**  
Urus setia
- ▶ **Puan Heina Faeza Abdul Wahid**



### JAWATANKUASA PERJAWATAN ESTABLISHMENT COMMITTEE

- ▶ **YBhg. Datuk Haji Shamsuddin bin Bardan**  
Pengerusi / *Chairman*
  - ▶ **Encik Maniam a/l Arumugam**
  - ▶ **Tuan Haji Ayop bin Salleh**
  - ▶ **Mejar Haji Hanif bin Maidin (B)**
  - ▶ **Encik Matkar bin Siwang**
- Urus setia
- ▶ **Pn. Noorliza Idawati binti Mat Nayan**

### JAWATANKUASA PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN RESEARCH AND DEVELOPMENT COMMITTEE

- ▶ **Prof. Madya Dr. Nur Dalilah binti Dahlan**  
Pengerusi / *Chairman*
  - ▶ **Prof. Dr. Ismail bin Bahari**
  - ▶ **Tuan Haji Ayop bin Salleh**
  - ▶ **Prof. Madya Ts. Dr. Shamsul Bahari bin Shamsuddin**
- Urus setia
- ▶ **En. Khairunnizam Mustapa**

### JAWATANKUASA PEMBANGUNAN PERNIAGAAN BUSINESS DEVELOPMENT COMMITTEE

- ▶ **Prof. Dr. Ismail bin Bahari**  
Pengerusi / *Chairman*
  - ▶ **YBhg. Datuk Haji Shamsuddin bin Bardan**
  - ▶ **Encik Maniam a/l Arumugam**
  - ▶ **Tuan Haji Ayop bin Salleh**
  - ▶ **Mejar Haji Hanif bin Maidin (B)**
- Urus setia
- ▶ **En. Mohd Hussin bin Abdul Salam**

### JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN INTERNAL AUDIT COMMITTEE

- ▶ **YB Senator Datuk Mohan a/l Thangarasu**  
Pengerusi / *Chairman*
  - ▶ **Encik Thomas Balan Bang**
  - ▶ **Dr. Shamsul Rizal bin Shamsudin**
- Ex Officio
- ▶ **Tuan Haji Ayop bin Salleh**
  - ▶ **Mejar Haji Hanif bin Maidin (B)**
- Urus setia
- ▶ **Pn. Salwati binti Abdul Rahman**

### JAWATANKUASA PENCALONAN NOMINATION COMMITTEE

- ▶ **YBhg. Datuk Hj Shamsuddin bin Bardan**  
Pengerusi / *Chairman*
  - ▶ **YBhg. Datuk Dr. Chong Chee Kheong**
  - ▶ **Tuan Haji Ayop bin Salleh**
  - ▶ **Mejar Haji Hanif bin Maidin (B)**
  - ▶ **Encik Matkar bin Siwang**
- Urus setia
- ▶ **Pn. Nurul Nadiah binti Mohd Abdul Rasid**  
(Setiausaha Syarikat)

## PENGURUSAN DAN PAKAR TEKNIKAL MANAGEMENT AND TECHNICAL EXPERTS

### Pengarah Eksekutif

#### *Executive Director*

- Tuan Haji Ayop bin Salleh

### Setiausaha Eksekutif

#### *Executive Secretary*

- Tuan Mejar Haji Hanif bin Maidin (B)

### Pengurus Besar / General Manager

#### *Perundingan, Penyelidikan & Pembangunan Consultation, Research & Development*

- Khairunnizam Mustapa

### Pengurus / Manager

#### *Bahagian Pengurusan Kualiti Quality Management Division*

- Shahir bin Addenan

### Pengurus / Manager

#### *Bahagian Peperiksaan dan Persijilan Examination and Certification Division*

- Siti Faranez binti Harun

### Pengurus / Manager

#### *Bahagian Perniagaan dan Pemasaran Business and Marketing Division*

- Mohd Hussin bin Abd Salam

### Pengurus / Manager

#### *Bahagian Pembangunan Program Programme Development Division*

- Mohamad Redzuan Shah bin Masri

### Ketua / Head

#### *Pusat Kecemerlangan Ergonomik Ergonomic Excellence Centre*

- Ismail bin Abdul Rahman

### Ketua Unit / Head

#### *Unit Audit Dalam Internal Audit Unit*

- Salwati binti Abdul Rahman

### Ketua Unit / Head

#### *Unit Integriti & Tadbir Urus Integrity & Governance Unit*

- Nor Fazidah binti Abu Naim

## Jabatan Korporat *Corporate Department*

### Pengurus / Manager

#### *Bahagian Sumber Manusia Human Resource Division*

- Noorliza Idawati binti Mat Nayan Manager

### Pengurus / Manager

#### *Bahagian Kewangan Finance Division*

- Norismalina binti Ishak Manager

### Pengurus / Manager

#### *Bahagian Penyebaran Maklumat Information Dissemination Division*

- Haji Shahronizam bin Noordin Manager

### Pengurus / Manager

#### *Bahagian Pentadbiran dan Kemudahan Administration and Facilities Division*

- Mohd Nazif bin Mohd Zaidan Manager

### Pengurus / Manager

#### *Bahagian Pengurusan Projek Project Management Division*

- Azmi bin Jamaludin @ Aman Shah Manager

### Pengurus / Manager

#### *Bahagian Teknologi Maklumat Information and Technology Division*

- Mohd Rashidi bin Rohmad Manager





## Jabatan Operasi *Operation Department*

### Pengurus Kanan / *Senior Manager*

Jabatan Pendidikan dan Latihan & Pejabat Wilayah  
*Education and Training Department & Regional Offices*

▲ Saupi Nazri bin Mamat

### Pengurus / *Manager*

Bahagian Pendidikan dan Kompetensi Perundangan  
*Education and Regulatory Competency Division*

▲ Siti Badariah binti Abu Bakar

### Pengurus / *Manager*

Bahagian Kesedaran dan Kemahiran Keselamatan  
*Safety Awareness and Skills Division*

▲ Siti Zainatul Arafah binti Mat Zin

### Pengurus / *Manager*

Bahagian Komunikasi Strategik Latihan  
*Training Strategic Communications Division*

▲ Norazman bin Bakrun

## Pejabat Wilayah *Regional Offices*

### Pengurus / *Manager*

Pantai Timur *East Coast* (Kerteh, Kuantan & Kota Bharu)

▲ Hisyamuddin bin Mohamad

### Pengurus / *Manager*

Utara *Northern* (Penang & Manjung)

▲ Rosliza binti Osman

### Pengurus / *Manager*

Selatan *Southern* (Johor Bahru, Malacca & Pengerang)

▲ Haji Muhammad Zaeem bin Mokhtar

### Pengurus / *Manager*

Sabah (Kota Kinabalu, W.P Labuan, Sandakan & Tawau)

▲ Wan Sarman @ Wan Salman bin Sakan

### Pengurus / *Manager*

Sarawak (Kuching, Bintulu, Miri & Kapit)

▲ Normiza binti Suhaili

## NIOSH Certification Sdn. Bhd.

### Ketua Pegawai Eksekutif / *Chief Executive Officer*

▲ Syamsul Zahrin bin Zainuddin

### Pengurus Kanan Operasi / *Sr. Operation Manager*

▲ Amirhasamy a/l Mahalingam

## Pakar Teknikal *Technical Expert*

### Bahagian Perniagaan dan Pemasaran

*Business and Marketing Division*  
(BMD)

▲ M. Hamzah bin Jamaludin

### Bahagian Pembangunan Program

*Programme Development Division*  
(PDD)

▲ Muazan bin Mohamed

### Jabatan Perundingan, Penyelidikan dan Pembangunan

*Consultation, Research and Development Department* (CRDD)

▲ Haji Fadzil bin Osman

▲ Haji Mohd Esa bin Baruji

▲ Dewililah Sapriah binti Yosof

### Pematuhan Perundangan

*Regulatory Compliance* (RC)

▲ Dr. Muhamad Ariff bin Muhamad Noordin

▲ Nor Mohd Razif bin Noraini

### Penyelesaian KKP

*OSH Solutions* (OS)

▲ Azhar bin Ahmad

### Khidmat nasihat

*Advisory Services* (AS)

▲ Raemy bin Md Zein

▲ Siti Nurani binti Hassan

### Perkhidmatan Teknikal

*Technical Services* (TS)

▲ Mohd Norhafsam bin Maghpor

### Penyelidikan Gunaan

*Applied Research* (AR)

▲ Baderin bin Osman

### Jabatan Pendidikan dan Latihan & Pejabat Wilayah

*Education and Training Department & Regional Offices* (ETD & RO)

▲ Haji Amirrudin bin Abdul Aziz

▲ Yuzainie bin Yusof


▲ Ruzita binti Mohd Shariff

▲ Haji Muhammad Zaeem bin Mokhtar

▲ Paramesvaran a/l Mariappan

▲ Mohamad Anizan bin Mohammed Amin

▲ Shahrulnizam bin Jamen





# LATIHAN

*TRAINING*



## LATIHAN

Program latihan yang dikendalikan oleh NIOSH telah menerima pengiktirafan dan persijilan daripada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) Malaysia. Disamping itu, persatuan-persatuan industri, pengamal KPP, majikan, komuniti dan pekerja tempatan serta rakan antarabangsa juga mengesah dan menyokong program latihan NIOSH.

Selain daripada memastikan kompetensi KKP bagi majikan dan pekerja yang telah berdaftar dengan NIOSH, program latihan NIOSH juga diperluas kepada eksekutif kanan, ahli jawatankuasa keselamatan dan kesihatan, penyelia keselamatan, pekerja kontraktor umum, ahli akademik dan lain-lain individu yang berkepentingan.

Aktiviti latihan boleh dibahagikan kepada tiga aktiviti utama iaitu pelaksanaan program latihan, pembangunan dan semakan modul latihan, dan pemantauan dan penilaian aktiviti latihan.

### Pelaksanaan Program Latihan

#### Prestasi Aktiviti Latihan

Sehingga Disember 2021 sebanyak 7, 817 program telah berjaya dilaksanakan untuk pelbagai industri di ibu pejabat NIOSH dan cawangan-cawangannya. Jumlah pencapaian yang diperolehi ialah 101%.

**Jadual 1: Jumlah Program Latihan yang dijalankan oleh NIOSH dan Bilangan Peserta bagi tahun 2021**

Bil	Jenis Kursus / Type of Courses	Jumlah 2021 (Sehingga Dis) Total for the Year 2021 (until end Dec)	
		Bilangan Program Total Programmes	Bilangan Peserta Registered Participants
1	Program untuk Pengamal OSH OSH Practitioners Programme	281	4,350
2	Program Persijilan/Kompetensi Competency/Certification Programme	2,162	29,004
3	Program Jurulatih Trainers Programme	70	811
4	Program Pasport Keselamatan NIOSH NIOSH Safety Passport Programme	5,229	94,958
5	Seminar Seminar	75	14,611
<b>Jumlah Keseluruhan Total</b>		<b>7, 817</b>	<b>143,734</b>

## TRAINING

Training programmes conducted by NIOSH are certified, endorsed and recognized by the Department of Occupational Safety and Health (DOSH) Malaysia. Furthermore, industry associations, OSH practitioners, local employers, employees and communities, and international partners endorse and support the training programmes offered by NIOSH. Other than ensuring the competency of implementing OSH by employers and employees who are registered with NIOSH programmes, the institute also offers training to executives, safety and health committee members, safety and health officers, general contract workers, academicians and individuals in senior management positions.

Training activities are divided into three main categories, namely, implementation of training programmes; development and review of training modules; and, monitoring and evaluation of training activities.

### Implementing Training Programmes

#### Performance Levels of Training Activities

For the year 2021 until end December, a total of 7,817 programmes were successfully conducted for a wide range of industries in Malaysia. These trainings were held at the NIOSH headquarters and also at the various branches through the country. These training programmes achieved a high performance level of 101%.

**Table 1: Total Number of Training Programmes conducted and Registered Participants**



## AKTIVITI BAHAGIAN PENDIDIKAN DAN KOMPETENSI PERUNDANGAN (ERCD) BAGI TAHUN 2021

### PELAKSANAAN KURSUS KOMPETENSI PERUNDANGAN SECARA ATAS TALIAN

Bagi tahun 2021, Bahagian Pendidikan dan Kompetensi Perundangan (ERCD) telah melaksanakan Program Kompetensi Perundangan Secara Atas Talian seiring dengan perubahan kaedah pembelajaran diperingkat global dan amalan norma baharu di dalam bidang pendidikan. Di antara program-program yang telah dilaksanakan secara atas talian adalah kursus Pegawai Keselamatan dan Kesihatan (SHO), Penyelia Keselamatan di Tempat Kerja (SSS), Kordinator Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (OSH-C), Jururawat Kesihatan Pekerja (OHN) serta Program Pegawai Penambahbaikan Keselamatan dan Kesihatan (SHEP).

Sementara itu, Persatuan Rakan Niaga Strategik Malaysia (PERNISMA) menghantar lebih kurang 300 kontraktor Tenaga Nasional Berhad (TNB) untuk menghadiri kursus Penyelia Keselamatan di Tempat Bekerja (SSS). Kursus ini dikendalikan di kesemua pejabat NIOSH di seluruh Malaysia. Tujuan mengadakan kursus ini adalah untuk menyediakan tenaga mahir dan “Orang Yang Berkompeten” di kalangan kontraktor mengikut syarat yang ditetapkan oleh pihak TNB. Bagi membantu setiap peserta PERNISMA lulus peperiksaan dan bersedia menggalas tanggungjawab sebagai “Orang Yang Kompeten,” pihak NIOSH memperkenalkan program khas iaitu Kelas Persediaan Menjawab Peperiksaan Penyelia Keselamatan di Tempat Bekerja (SSS).

## EDUCATION AND REGULATORY COMPETENCY DEPARTMENT ACTIVITIES FOR THE YEAR 2021

### CONDUCTING OF ONLINE REGULATORY COMPETENCY COURSES

*For the year 2021, the Education and Regulatory Competency Department conducted Regulatory Competency courses online. These courses were held online so as to align with changes occurring in learning methods at a global level, and with new approaches in the education field. Among the courses that were conducted online were: Safety and Health Officer (SHO); Site Safety Supervisor (SSS); Occupational Safety and Health Coordinator (OSH-C); Occupational Health Nurse (OHN); and, Safety and Health Officer Enrichment Programme (SHEP).*

*Meanwhile in 2021, PERNISMA (an association of strategic enterprises), registered approximately 300 contractors from Tenaga Nasional Berhad (TNB) to attend the Site Safety Supervisor (SSS) course. The course was held in all NIOSH branches throughout Malaysia. The purpose was to train the contractors to become highly skilled so as to fulfill TNB's requirement to have competent skilled contractors. In addition, to assist each PERNISMA participant prepare and pass the course's exam, NIOSH introduced a special program - Exam Preparation Class for Site Safety Supervisor Programme.*



Peserta dari PERNISMA menghadiri Kursus Penyelia Keselamatan di Tempat Bekerja (SSS) pada 15 Mac 2021

*Participants from PERNISMA attending a Site Safety Supervisor (SSS) course 15 March 2021*





Kursus Penyelia Keselamatan di Tempat Bekerja (SSS) pada 27 Disember 2021  
*Site Safety Supervisor (SSS) Course for PERNISMA held 27 December 2021*



Lawatan ke tapak bekerja Paramount Property, Greenwoods Salak Perdana, Sepang, Selangor oleh Pegawai Keselamatan dan Kesihatan (SHO) pada 1 Disember 2021

*Visit to Paramount Property work site, Greenwoods Salak Perdana, Sepang, Selangor by Safety and Health Officer (SHO) on December 1, 2021*





Lawatan ke tapak bekerja Sejati Lakeside, Cyberjaya, Selangor oleh Pegawai Keselamatan dan Kesihatan (SHO) pada 24 November 2021

*Site Visit by the Safety and Health Officer (SHO) to Sejati Lakeside, Cyberjaya, Selangor 24 November 2021*

## LAPORAN AKTIVITI BAHAGIAN KESEDARAN KESELAMATAN DAN KEMAHIRAN (SASD) 2021

Sepanjang tahun 2021, Bahagian Kesedaran Keselamatan dan Kemahiran (SASD) di bawah Jabatan Pendidikan dan Latihan NIOSH telah melaksanakan sebanyak 2,149 program. Seramai 44,590 peserta daripada perbagai industri dilatih oleh Bahagian Kesedaran Keselamatan dan Kemahiran (SASD) NIOSH.

Di samping kursus bersemuka, SASD juga telah melaksanakan inisiatif kursus secara dalam talian bagi memenuhi keperluan industri sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan. Selanjutnya, pembelajaran secara dalam talian ini menjadi platform pilihan bagi industri-industri yang menyertai kursus-kursus SASD.

### Program Dalam Talian SASD

Sebanyak 223 program dalam talian dijalankan oleh SASD sepanjang 2021 seperti berikut:

- Program Induksi Pasport Keselamatan NIOSH
- Program Kesedaran KKP
- Program Jurulatih
- Program Kompetensi Kemahiran

## ACTIVITIES REPORT FOR THE SAFETY AWARENESS AND SKILLS DIVISION (SASD) 2021


For the year 2021, the Safety Awareness and Skills Division (SASD) under the supervision of the Education and Training Department of NIOSH conducted 2,149 programmes in which, 44, 590 participants from various industries were trained by SASD.

Besides in-person training, SASD also initiated online courses to fulfill the needs of industries during the Movement Control Order period. Eventually, the online method was chosen to be the preferred learning approach by industry participants.


### SASD Online Programmes

A total of 223 online programmes were conducted by SASD throughout the year 2021 as follows:


- NIOSH Safety Passport Induction Programme
- OSH Awareness Programme
- Train The Trainers Programme
- Skills Competency Programme




Program Jurulatih Secara Dalam Talian SASD  
SASD Train The Trainer Online Programme




SASD Expressway Operations Safety Passport Online Programme  
Program Pasport Operasi Keselamatan Lebuhraya Dalam Talian SASD



Program Pasport Keselamatan O&G Dalam Talian SASD  
SASD Oil & Gas Safety Passport Programme



Program Pasport Keselamatan Air Selangor Dalam Talian SASD  
*SASD Air Selangor Safety Passport Online Program*



Program Pasport Sistem Keselamatan Kontraktor SASD Dalam Talian  
*SASD Passport for Contractor Safety System Online Programme*






